

# AKTIVITI KEAGAMAAN

[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4398-aktiviti-keagamaan](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4398-aktiviti-keagamaan)

TANJUNG BUNGAH, 17 Jan 19 - Di Institut Kepimpinan dan Pengurusan (INSKEP) Pulau Pinang telah mengadakan majlis bacaan Yasin dan tahlil bertempat di Surau Al-Wasotiah, INSKEP. Majlis bacaan Yasin dan tahlil ini telah dipimpin oleh Guru Agama INSKEP, PW II Ustaz Mohd Yusof.

Turut hadir di majlis tersebut adalah Pegawai Memerintah INSKEP, Lt Kol Nurul Amir bin Othman TUDM, Ketua Bahagian Tadbir INSKEP, Mej Abdul Rahim bin Ahmad TUDM, Staf INSKEP dan Penuntut Kursus 'Squadron Officer Course' (SOC) Siri 91/19 . Majlis juga turut disusuli dengan bacaan Yasin dan tahlil kepada arwah kakak ipar sahabat kepada Pegawai Memerintah, Allahyarhamah Norzaini Ayu binti Abd Rahman dan adik Muhammad Shahmi Amni bin Saharuddin yang sedang koma di ICU Kuching. Semoga majlis ini mendapat keberkatan dan rahmat daripada Allah S.W.T.

